

Jepun jamin galakkan dagang terus

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan Jepun memberi jaminan melonggarkan perlindungan dagangannya untuk mengeratkan hubungan dagang secara terus dengan Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakan sejawatnya Encik Yasuhiro Nakasone, memberi jaminan itu dalam rundingan dua pusingan semasa lawatan rasminya ke Jepun.

Sebelum ini, Encik Nakasone menyatakan pendirian Kerajaannya untuk mengu-

rangkan dasar perlindungan dagangan sebelum beliau melawat Amerika Syarikat, selepas mengambil alih jawatan dari Encik Zenko Suzuki.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, langkah ini bukan sahaja boleh menguntungkan Malaysia tetapi juga membuka jalan ke arah mewujudkan sistem perdagangan bebas antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, beliau menyenaraikan beberapa barangan utama negara yang boleh dibeli oleh Jepun, terma-

suk minyak kelapa sawit.

Mengenai dagangan terus dengan Jepun, beliau menjelaskan ia tidak dibincang secara khusus tetapi Jepun memahami hasrat Malaysia.

Perdana Menteri menambah, tidak lama lagi beberapa pengusaha Jepun akan melawat negara ini untuk mengkaji kemungkinan mengadakan projek-projek usahasama baru di bidang industri kecil, termasuk pengeluaran barang-barang sokongan bagi menjayakan projek kereta Malaysia.

Katanya, Kerajaan Jepun juga berminat membuat kajian menjadikan minyak sawit sebagai salah satu bahan yang boleh mengeluarkan vitamin E.

Vitamin itu adalah jenis termahal pada masa ini dan sekiranya ia dapat dilakukan, sudah pasti ia boleh memberi faedah besar kepada negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berunding mengenai cadangan menubuhkan industri jentera kecil yang boleh dieksport semula ke Jepun.